

Memgimbau Kembali Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia–Amerika Syarikat (Malaysia-US FTA)

oleh

SAMIRUL ARIFF BIN OTHMAN
Pegawai Penyelidik Kanan
Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Sebagai sebuah kuasa ekonomi dunia yang unggul, Amerika Syarikat (AS) bertindak menggunakan pelbagai instrumen untuk memperbaiki kedudukan dagangnya dengan negara-negara lain. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, apabila usaha-usaha menggalakkan tahap perdagangan antarabangsa melalui pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) gagal mencapai kata sepakat. AS telah beralih tumpuan terhadap perjanjian perdagangan bebas (FTA) bilateral untuk menjayakan hasratnya.

Latar belakang rundingan

Pada 8 Mac 2006, mantan Presiden AS George Bush telah mengumumkan bahawa rundingan perjanjian perdagangan bebas dengan Malaysia telah dimulakan. Malaysia merupakan antara rakan dagang utama AS, dengan demikian amatlah bermanfaat sekiranya hubungan ini menjadi lebih kukuh.

Sebenarnya selain dari agenda perdagangan, AS dilihat ingin memperkasa hubungan dengan sebuah negara Islam yang dilihat sederhana, tidak melampau, boleh diharap untuk membendung kegiatan militan dan pengganas, mengamalkan toleransi serta mengambil pendekatan jalan sederhana. Ahli pentadbiran Bush memuji Malaysia sebagai antara negara peneraju dalam kerancangan pembangunan ekonomi semasa yang merubah Asia pada awal abad ke-21.

Malaysia mula berbincang dengan AS bagi mengadakan Perjanjian Rangkakerja Perdagangan dan Pelaburan (*Trade and Investment Framework Agreement - TIFA*) dengan kemungkinan mengadakan FTA. Di bawah *Trade Promotion Authority Act* atau TPA, AS mempunyai mandat untuk berunding mengenai penghapusan duti import ke atas semua produk. Ini telah pun dilakukan oleh AS di dalam kebanyakan FTA yang telah dilaksanakan seperti dengan Singapura dan Australia.

Menurut penyata rasmi (Hansard) dari Dewan Rakyat pada bulan September 2006, data pada ketika itu menunjukkan penjimatan yang bakal diperolehi oleh pengeksport Malaysia. Dinyatakan juga bahawa AS merupakan rakan dagang yang terbesar bagi Malaysia. Dengan termeterainya FTA ini, Malaysia bukan

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

sahaja mengekalkan kedudukannya sebagai pembekal yang berdaya saing tinggi di pasaran eksport Amerika Syarikat, malah juga dapat menikmati bahagian yang lebih besar dalam pasaran tersebut.

Seterusnya pengeksport Malaysia disyorkan mengambil peluang secara agresif bagi mendapat manfaat penuh daripada Malaysia-US FTA. Ini adalah kerana FTA ini dijangka akan memberi kelebihan kepada para pengeksport Malaysia, berbanding dengan mereka dari negara-negara lain yang tidak mempunyai FTA dengan Amerika Syarikat.

Setelah pengumuman dibuat, terdapat lima sesi perundingan bermula Mac 2006 dan berakhir Mei 2007. Presiden Bush mahu rundingan selesai sebelum tempoh sah TPA luput pada 1 Julai 2007. AS diwakili oleh Susan Schwab, Wakil Perdagangan (USTR) dan timbalanya Karan Bhatia. Manakala Malaysia diwakili oleh Datuk Seri Rafidah Aziz selaku Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada ketika itu.

Kedua-dua belah pihak berusaha membuka pasaran Malaysia kepada perkhidmatan kewangan dan industri otomobil Amerika Syarikat, manakala pasaran AS pula dibuka antara lain kepada impot getah, kayu-kayan, tekstil, plastik, barang-barang elektronik. Malaysia juga cuba mendapatkan sokongan teknikal agar lebih kehadapan berbanding negara Asia lain dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) industri berteknologi tinggi seperti bidang bioteknologi.

Malangnya setelah lima pusingan rundingan berlangsung, rundingan menemui jalan buntu dan seterusnya TPA luput tempoh. Kedua-dua belah pihak mempunyai pendirian tidak boleh berganjak mengenai beberapa isu, menyebabkan kata sepakat tidak dapat dicapai.

Dipercayai sebab rundingan tidak berhasil adalah kebimbangan Malaysia mengenai ubat-ubatan generik dan juga pendirian AS mengenai isu harta intelek, perlindungan hak paten, undang-undang buruh, pemuliharaan alam sekitar serta proses perolehan Kerajaan.

Menuju ke hadapan

Kini Malaysia dipelawa menyertai rundingan Perjanjian Kerjasama Rentas Pasifik (TPPA), yang sebenarnya mungkin menawarkan kurang manfaat yang bakal diperolehi berbanding dengan Malaysia-US FTA yang dicadangkan sebelum ini.

Salah satu kaedah melakukan kajian kebolehlaksanaan berkenaan manfaat yang bakal diperolehi sekiranya sesebuah negara menyertai perjanjian perdagangan bebas termasuklah mengadakan tinjauan dan pemodelan ekonomi, iaitu proses menyatakan atau mewakili maklumat dalam bentuk kuantitatif.

Sebenarnya hasil maklumat kajian berkenaan dapat membantu para pembuat keputusan membuat pilihan yang tepat untuk memenuhi kepentingan negara dalam jangkamasa panjang.

Aspek Geopolitik

Mutakhir ini dilihat bahawa ketegangan di Laut China Selatan meningkat disebabkan berlaku pertikaian wilayah oleh negara-negara yang berada di sekelilingnya. Umpanya pada tahun 2014 Filipina telah memutuskan untuk mengizinkan tentera AS menggunakan pengkalan tenteranya untuk tempoh 10 tahun. Selain dari itu Manila dilihat merapatkan hubungan dengan Vietnam untuk mengekang pengaruh China.

Memanglah benar dalam sejarah peradaban China selama lima ribu tahun, mereka tidak cenderung untuk menakluk, bahkan sebaliknya membina Tembok Besar China untuk melindungi negaranya dari serangan luar. Tetapi sebagai langkah berjaga-jaga mungkin juga ada baiknya Malaysia merapatkan hubungan dengan AS sebagai pengimbang.

Selain dari faktor ekonomi, memang FTA ada aspek strategik dan politik. Ianya boleh berlaku apabila FTA dilihat sebagai tanda restu sebelum menjalinkan hubungan akrab. Umpanya perjanjian FTA Singapura-AS dilihat bersifat strategik dan ada hubungan dengan usaha AS memerangi keganasan.